

PRAKTIS 3

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Kitar semula merupakan proses mengolah *bahan buangan* semula untuk menghasilkan barangan baharu berlandaskan tiga prinsip utama, iaitu pengurangan, menggunakan semula, dan mengitar semula. Pelbagai jenis bahan sisa pepejal seperti kaca, kertas, logam, plastik tekstil, dan elektronik boleh dikitar semula.

Kitar semula sangat penting kerana dapat mengurangkan masalah pelupusan sampah dan membendung masalah pencemaran alam sekitar. Kitar semula mampu mengekalkan khazanah kekayaan sumber alam seperti hutan juga. Misalnya, bagi menghasilkan satu tan kertas, sebanyak 17 batang pokok terpaksa dikorbankan. Di Malaysia, sebanyak 4360 tan kertas dihasilkan sehari. Hal ini bermakna 74 120 batang pokok dapat diselamatkan melalui proses kitar semula. Kitar semula dapat menjimatkan tenaga yang diperlukan dalam penghasilan bahan baharu dan penerokaan sumber. Sebagai contoh, sebuah botol kaca yang dikitar semula dapat menjimatkan tenaga kerana pengitaran semulanya mampu menghidupkan mentol 100 watt selama empat jam. Pengitaran sebotol tin aluminium pula cukup untuk menghidupkan sebuah televisyen selama tiga jam. Kitar semula banyak membawa faedah namun tahap kesedaran masyarakat tentang kepentingan amalan kitar semula masih rendah. Oleh itu, sejumlah RM20 juta telah diperuntukkan oleh pihak kerajaan baru-baru ini bagi meningkatkan kesedaran dan amalan gaya hidup mesra alam dalam kalangan masyarakat.

Negara maju perlu dijadikan contoh bagi menjayakan kempen kitar semula. Setiap rumah di London disediakan tong sampah kitar semula dan penghuni rumah mesti mematuhi peraturan kitar semula ini. Tiga buah lori datang pada setiap minggu untuk mengambil sampah yang telah diasingkan ini. Penghuni yang enggan mematuhi arahan bakal menerima surat amaran dan didenda.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Polemik Pelupusan Sampah'
oleh Johari Surif
Dewan Masyarakat

Bahan 2

Teknologi hijau merujuk pembangunan aplikasi produk, peralatan, serta sistem untuk memelihara alam sekitar. Teknologi hijau merangkumi lima prinsip utama iaitu tenaga, mempromosikan kecekapan tenaga, meminimumkan kesan kepada alam sekitar, meningkatkan pembangunan ekonomi negara melalui penggunaan teknologi, dan meningkatkan kualiti hidup.

Peri pentingnya teknologi hijau memang tidak dapat dinafikan. Teknologi ini diperlukan untuk menyediakan sistem pelupusan sampah yang dapat menghalang pencemaran dan memulihara alam sekitar. Selain itu, teknologi hijau memungkinkan kewujudan pusat pembakaran sampah berteknologi tinggi. Pusat pembakaran sampah ini berupaya mengekang pembebasan karbon monoksida, melupuskan sehingga 99 peratus sampah, dan memusnahkan semua mikroorganisma yang berbahaya.

Sistem pengasingan sampah yang dilaksanakan di Eropah seperti Sweden dan Belanda misalnya dapat memastikan bahawa bahan-bahan yang benar-benar perlu dan selamat sahaja yang dibakar, manakala yang lain dikitar semula. Jerman pula sudah mengharamkan pembuangan sampah di tapak pelupusan sampah secara terbuka sejak 1972 dan berjaya mengekang keburukan kaedah pembuangan sampah tersebut.

Teknologi hijau menjanjikan penyelesaian alternatif terhadap masalah pengurusan sampah di Malaysia. Semua pihak harus bekerjasama dalam menunaikan tanggungjawab masing-masing untuk mengawal pembuangan sampah ini. Persoalannya, sudahkah kita bersedia untuk menunaikan tanggungjawab tersebut?

Sumber: Internet

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *bahan buangan*. [2 markah]

- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, mengapakah kitar semula dan teknologi hijau sangat penting? [3 markah]

- (iii) Masalah pelupusan sampah sudah acap kali menghiasi dada-dada akhbar dan menimbulkan polemik dalam kalangan pelbagai pihak.

Pada pendapat anda, apakah punca-punca yang menyebabkan masalah pelupusan sampah semakin kritikal di negara ini? **KBAT** [3 markah]

- (iv) Program kitar semula akan diadakan di sekolah anda tidak lama lagi. Oleh itu, pelbagai aktiviti telah dirancang bersempena dengan program tersebut termasuklah pertandingan deklamasi puisi bertemakan alam sekitar. Murid yang mendaftarkan diri untuk menyertai pertandingan deklamasi puisi itu terlalu sedikit. Namun begitu, pertandingan deklamasi puisi itu tidak boleh dibatalkan kerana pertandingan tersebut dicadangkan oleh Pengetua.

Sekiranya anda guru penyelarasan program tersebut, bagaimanakah cara anda mengatasi masalah yang timbul itu? **KBAT** [4 markah]
